

CNS2933

R GB 12-1100162 BA491

b a h

Mahathir' - Xertas

MAHATHIR MAHU KONSEP PUSING-GUNA KERTAS' BUANGAN DIPERTINGKATKAN

KUALA LANGAT, 12 Nov (Bernama) -- Xonsep pusing-guna kertas buangan secara perdagangan perlu dipertingkatkan selaras dengan komitmen Malaysia terhadap penjagaan alam sekitar, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain mengurangkan keperluan kawasan pelupusan dan pembuangan sampah, kata Perdana Menteri, konsep pusing-guna men jimatkan kos pelupusan sampah yang dianggarkan MR6 juta setahun.

Ketika berucap merasmikan fasa I dan pelancaran fasa II kompleks kilang kertas Genting Sanyen (Malaysia) Sdn Bhd di sini hari ini, beliau menggesa pengusaha tempatan yang bergiat, dalam sektor kertas menyatukan usaha demi mempertingkatkan kecekapan pungutan kertas buangan.

+Amatlah merugikan jika sesuatu yang bernilai seperti kertas' dibuang' an begitu saha ja,+ Katanya dan berharap para pengusaha itu menyusun usaha integrasi mereka dengan pelaksanaan projek kilang berkenaan.

Katanya kilang itu dapat memenuhi keperluan negara bagi kertas perindustrian bergred sebanyak 220,000 tan setahun berdasarkan keupayaan pengeluarannya sebanyak 250,000 tan. -- Lagi.

♥12/11/13-56MST

CNS2934

R GB 12-11 00129 BA492

bah

Mahathir - Kertas 2 Kuala Langat

Ia juga menjimatkan pengaliran keluar pertukaran asing sebanyak MR165 juta setahun dan memusing-gunakan lebih 300,000 tan pelbagai jenis kertas buangan, katanya.

Kompleks kilang kertas itu merupakan antara **yang**' terbesar di rantau ini. Pelaburan bagi fasa I sahaja menelan MR400 juta manakala fasa II bagi pembinaan kilang +duplex board+ dijangka berharga MR100 juta.

Dr Mahathir berkata Malaysia kini terpaksa mengimport segala keperluan kertas dan barang-barang yang diperbuat daripada kertas kerana tidak mempunyai industri berasaskan kertas yang bersepadu.

Nilai import Malaysia bagi barangan tersebut meningkat daripada MR516 juta pada 1983 kepada MR1, 586 juta tahun lepas.

Pertambahan itu merupakan 300 peratus dalam jangka, masa hanya lapan tahun, kata Dr Mahathir. -- Lagi.

♥12/11/13-57MST

CNS2935
R GE 12-11 00145 BA493
bah

Mahathir - Kertas.3 Kuala Langat

Sebahagian besar import itu adalah kertas cetak dan tulis bernilai MR371 juta tahun lepas dan kertas akhbar bernilai MR316 juta, juga tahun lepas.

Untuk pembuatan input bagi kotak pembungkusan seperti corrugating medium, linear board dan kraft linear, nilai importnya berjumlah MR247 juta, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata langkah Kumpulan Genting, yang sehelum ini menumpukan operasi kepada bidang-bidang peranginan dan perhotelan dalam dan luar negara, membina kilang kertas itu adalah tepat pada masanya.

Penyertaannya di dalam sektor pengeluaran kertas mencerminkan prihatinnya kumpulan ini terhadap keperluan jangka panjang negara untuk bekalan berbagai-bagai jenis kertas dan peluang-peluang yang luas terbuka dalam sektor ini terutama daripada segi pusing-guna, katanya.

Katanya, penggunaan kertas perkapita negara ini dianggarkan sebanyak 28 kilogram berbanding dengan purata dunia sebanyak 38 kilogram. -- Lagi.

12/11/13-59MST

CNS2937
R GB 12-11 00131 BA494
bah

Mahathir - Kertas 4 (Akhir) Kuala Langat

Bagi negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun, angkanya adalah dalam lingkungan 300 hingga 150 kilogram bagi setiap penduduk.

Berdasarkan kepada bakat ini jelas sekali industri ini mempunyai potensi yang amat cerah untuk berkembang di Malaysia, katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata faktor kurang bekalan kertas buangan dalam jangka masa lima tahun akan datang mungkin membantut kemajuan industri kertas yang akan mengakibatkan negara terpaksa bergantung kepada kertas buangan yang diimport.

Oleh yang demikian, saya menyeru kepada pengusaha-pengusaha tempatan khususnya yang berkecimpung dalam sektor kertas supaya meningkatkan kecekapan dalam proses pemungutan kertas buangan dan pusing-guna, katanya.

Dr Mahathir kemudian merinjau operasi kilang itu, yang terletak 55 km dari Kuala Lumpur. -- Bernama.

12/11/14-00MST